

Oleh **Noor Mohamad Shakil Hameed**



Semangat wira diiringi keikhlasan

Bencana banjir luar biasa yang melanda negeri pantai timur seperti Kelantan dan Pahang mengundang pelbagai reaksi dan maklum balas daripada masyarakat. Kebanyakannya hanya mampu dan suka menjadi hero dalam media sosial. Hakikatnya tidak ramai yang berani turun padang melihat kejadian sebenar apatah lagi menghulurkan bantuan kepada mangsa.

Penulis berpeluang mengetuai dua misi bantuan banjir mem-babitkan pelajar dan juga staf Uni-versiti Putra Malaysia (UPM) di bawah program 3D iaitu Derma, Dorongan dan Doa ke Kelantan dan Pahang baru-baru ini dan dapat melihat sendiri betapa dahsyatnya kemusnahan yang ber-laku di kedua-dua negeri terbabit. Ternyata apa yang dipaparkan da-lam media sejak berlakunya banjir besar ini mengenai kemusnahan dan kerosakan yang dialami adal-ah benar dan tidak boleh dina-fikan langsung. Pengalaman pe-nulis di Manek Urai cukup me-runtun jiwa. Situasi di sana um-pama dilanda tsunami yang me-nyebabkan satu perkampungan seolah-olah lenyap dalam sekelip mata. Begitu ramai penduduk yang hilang rumah dihanyutkan bah besar ini.

Begitu juga kisahnya di Pahang yang turut menerima nasib sama terutama yang menginap di se-kitar Sungai Pahang. Lebih tragis lagi banjir kali ini meragut nyawa seorang pelajar UPM Mohd Fadhil Noor Johar pada 8 Januari yang lalu di Kampung Temai Hilir, Pa-hang. Begitulah hebatnya amaran Tuhan apabila manusia dengan rakus memusuhi alam. Apa yang berlaku tidak pernah dibayangkan penduduk pantai timur yang se-memangnya cukup sinonim de-ngan masalah banjir pada setiap tahun. Kali ini mereka cukup ter-kejut. Banjir besar ini dikatakan antara yang paling dahsyat dalam sejarah negara kita.

Dalam konteks ini apa yang menarik perhatian penulis ialah semangat dan pengorbanan yang dipertontonkan sukarelawan yang menyertai misi bantuan banjir ini. Penulis dapat lihat di depan mata sendiri begitu ramai sukarelawan terdiri daripada pe-lajar dan staf universiti, badan NGO serta pelbagai agensi kera-jaan dan swasta begitu bersema-ngat turun padang membantu mangsa banjir ini. Kerjasama dan kesepaduan mereka cukup ter-serlah. Mereka datang dari se-genap pelosok negara demi untuk menyatakan solidariti kepada rakyat negara ini yang ditimpa

musibah. Kumpulan sukarelawan ini sanggup datang jauh tanpa mengharap-kan sebarang elaun mahupun habuan apatah lagi pu-jian. Penulis juga dapat saksikan dan merasakan keikhlasan jiwa dan hati mereka dalam meng-hulurkan bantuan kepada mang-sa. Ada yang begitu sebak hingga menitikkan air mata melihat ke-musnahan yang berlaku. Ada yang sanggup mengeluarkan duit poket sendiri untuk datang mem-bantu ataupun membelikan pel-bagai jenis barangan keperluan yang diperlukan mangsa. Mereka juga tidak memilih warna kulit mahupun agama dan bangsa da-lam menghulurkan sumbangan dan bantuan.

Kesungguhan, keikhlasan dan semangat pengorbanan sukarela-wan ini dapat disaksikan melalui hasil usaha gigih mereka mem-bantu membersihkan sekolah, masjid dan juga rumah sehingga sekolah boleh dibuka semula, masjid sudah boleh mengadakan solat dan mangsa boleh mendu-duki rumah-masing. Ini adalah bukti hasil kerja keras barisan su-karelawan ini yang wajar dipuji walaupun mereka tidak mengha-rapkan apa-apa pujian. Mereka inilah sebenarnya wira yang tidak didendang selama ini. Ternyata masih ramai lagi rakyat negara ini yang sanggup dan sudi mengor-bankan masa, tenaga dan juga wang ringgit untuk membantu mangsa yang memerlukannya. Limpahan sumbangan baik paka-ian mahupun makanan di samping bilangan sukarelawan yang begitu banyak turun padang di hampir semua kawasan yang terjejas teruk adalah bukti kepada solidariti dan kesepaduan rakyat negara ini.

Solidariti mahasiswa misalnya cukup terserlah sepanjang musim bencana ini. Walaupun ketika musim peperiksaan akhir mereka sanggup meluangkan masa yang ada untuk turut sama menyertai misi bantuan banjir yang dian-jurkan pihak universiti. Di UPM sendiri hasil sambutan yang be-gitu menggalakkan daripada pe-lajar dan juga staf misi bantuan ini sudahpun memasuki fasa kelima. Tatkala sebelum ini pelbagai in-siden dan sikap mahasiswa yang kurang enak dipertontonkan se-perti merempuh pagar, berde-monstrasi dan juga menghina pe-mimpin, apa yang ditonjolkan ke-lompok mahasiswa sebagai su-karelawan ini menunjukkan be-tapa masih ramai yang boleh menjadi nadi, harapan dan tulang belakang masyarakat dan negara.

Penulis Ketua Bahagian Hal Ehwal Pelajar UPM